

Ikatan agama faktor UMNO terus kuat

UM - 12/05/66

JOHOR BAHRU 11 Mei - Semangat kebangsaan Melayu yang diikat dengan kekuatan agama menjadi jihad dan faktor UMNO kuat dan berkuasa walaupun selepas 60 tahun ia ditubuhkan.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, dalam tempoh itu banyak cabaran yang ditempuh tetapi UMNO tetap teguh kerana semangat tersebut.

"Inilah tuntutan agama kita. Ia diperkukuhkan dan diperteguh pula dengan kebijaksanaan pemimpin, memastikan wujudnya keadilan.

"Sudah terbukti semangat itu menjadikan UMNO berupaya bertahan sepanjang 60 tahun lalu," kata beliau ketika berucap pada perhimpunan sambutan ulang tahun UMNO ke-60, di perkarangan Istana Besar, di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Besar Johor berkata, semangat itu dicetuskan oleh Datuk Onn Jaafar dan melalui semangat itulah bangsa Melayu berjaya mengagalkan Malayan Union, memerdekakan bangsa dan memartabatkan

Inilah tuntutan agama kita. Ia diperkukuhkan dan diperteguh pula dengan kebijaksanaan pemimpin, memastikan wujudnya keadilan

agama, bangsa dan tanah air.

Kata beliau, Datuk Onn telah berjaya menghimpun dan menyatukan orang Melayu yang sama agama, bahasa dan budayanya tanpa mengira sama ada mereka berasal keturunan Bugis, Banjar, Jawa, Jambi, Mandailing, Minangkabau, Aceh dan Rawa.

"Penyatuan Melayu ini diikat dengan tiang seri keMelayuan iaitu kesultanan Melayu, agama Islam, adat budaya serta bahasa Melayu. Sesungguhnya, bangsa Melayu adalah sebuah bangsa yang besar," kata beliau.

Semangat itu, tambah beliau, diwarisi oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan kini Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Tegas beliau, perjuangan pemimpin-pemimpin tersebut dibina atas sokon-

gan padu, keringat, darah dan air mata seluruh lapisan rakyat Melayu mulai dari keturunan raja hinggalah rakyat jelata.

"Ingatlah, 60 tahun lalu orang Melayu telah menyerahkan jiwa raga, kesetiaan dan harapan mereka kepada UMNO. Inilah amanah orang Melayu kepada UMNO.

"Marilah bersama-sama kita warisi amanah ini, kita teruskan perjuangan ini, bukan sahaja untuk 60 tahun dari sekarang, 60 tahun selepas itu, tetapi sehingga akhir zaman," katanya.

Abdul Ghani berkata, perjuangan tersebut perlu diteruskan dengan semangat yang gigih, bermaruah, penuh rasa kebersamaan, permuafakatan, kesederhanaan, kesetiaan, keadilan, kebijaksanaan, kemajuan dan kejayaan umat Melayu dan rakyat Malaysia.

ABDUL GHANI OTHMAN
Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor